

Tujuh kawasan di Melaka dilanda banjir

MELAKA 7 Jun - Lebih daripada tujuh buah kawasan di negeri ini dilanda banjir selepas hujan lebat berterusan sejak malam tadi dan awal pagi hari ini.

Banjir itu diburukkan lagi apabila berlaku pertembungan antara air hujan dan air pasang besar sehingga menyebabkan 379 mangsa daripada 91 keluarga terpaksa dipindahkan ke lima pusat pemindahan di Bukit Pulau, Duyong, Bachang, Merlimau dan Serkam selepas kediaman mereka dinaiki air.

Mangsa mula dipindahkan kira-kira pukul 11 pagi apabila paras air naik sehingga satu meter di kediaman mereka.

Penolong Setiausaha Majlis Keselamatan Negara (MKN) Melaka, Mejar Jafri Mohamed memberitahu, selain dua kawasan tersebut, terdapat beberapa kawasan lain dinaiki air iaitu Tenggera, Limbon-

gan, Kampung Enam, Kampung Pulau Kelapa dan Kampung Baka Batu.

"Selain di Melaka Tengah, banjir turut dilaporkan berlaku di daerah Jasin iaitu di Merlimau, Umbai, Pulau dan Serkam," katanya ketika dihubungi di sini.

Jafri berkata, hujan lebat di dua daerah ini secara berperingkat-peringkat sejak petang semalam dan pagi ini sehingga menyebabkan paras air meningkat.

"Pada masa yang sama berlaku air pasang besar kira-kira pukul 11 pagi ini namun kita menjangkakan paras air kembali surut berikutan cuaca panas menjelang malam ini," katanya.

Menurutnya, pintu air di muara sungai terpaksa ditutup akibat air pasang besar menyebabkan limpahan air banjir tidak dapat disalurkan ke laut.